



MDBG

**BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
JALAN HAJI ABDUL WAHAB,
31000 BATU GAJAH.**

BORANG SYARAT-SYARAT PELESENAN ANJING

Borang / MDBG / JKAPP - 35

No. Telefon	05-3632020-3632030
No. Fax	05-3665930
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my

1. Semua anjing yang berumur **3 bulan ke atas** hendaklah dilesenkan.
2. Semua anjing baka "**Mongrel**" dan "**MixBreed**" yang berumur **5 bulan ke atas** perlu **dikembirikan/ dimandulkan**.
3. Bayaran Lesen Anjing RM 10.00 (1 tahun) bagi setiap ekor anjing. Setiap lesen yang hilang, pemunya anjing hendaklah mendapatkan lesen yang lain daripada Majlis Daerah Batu Gajah dan dikenakan caj sebanyak RM 10.00.
4. Sekiranya tiada lencana lesen pada anjing, pihak Majlis beranggapan anjing tersebut tidak berlesen dan boleh disita mengikut peruntukan di bawah UNDANG UNDANG KECIL PELESENAN ANJING (MAJLIS DAERAH BATU GAJAH) 1985.
5. Lencana logam yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Batu Gajah hendaklah **digantungkan di leher anjing pada setiap masa**.
6. Jika terdapat pertukaran pemunyaan seekor anjing berlesen, pemilik yang baru hendaklah dalam tempoh satu bulan dari pertukaran itu memberitahu Pihak Berkuasa Melesen. Bayaran pendaftaran pertukaran sebanyak RM 10.00 akan dikenakan bagi setiap ekor anjing.
7. Jika anjing berlesen yang dipelihara mati / hilang hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen.
8. Semua anjing hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit dengan ubat pencegah (vaccination DALD + PV) oleh Pegawai Jabatan Haiwan atau mana-mana Doktor Veterinar yang bertauliah.
9. Rumah anjing hendaklah diselenggarakan dalam **keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa**.
10. Pemilik anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu **diberi makan dan diselenggara dengan sempurna**.

11. Pemilik anjing hendaklah **bertanggungjawab** untuk memastikan anjing **tidak menyalak** yang tidak **berhenti-henti, merayau di luar kawasan premis**, menggigit atau **mengganggu orang awam** di tempat awam.
12. Pemilik anjing berlesen hendaklah **mengambil segala langkah** yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu **tidak membuang najis** atau **kencing di tempat awam**.
13. Anjing hendaklah **sentiasa berikat** dan **memakai sarung mulut (muzzle)** apabila **dibawa keluar** dari tempat ianya biasa dipelihara/ disimpan.
14. Pemilik anjing berlesen hendaklah memastikan anjing miliknya **tidak berkeliaran di luar premisnya**.
15. Anjing **tidak boleh dipelihara di rumah pangsa atau di tingkat yang lebih tinggi daripada tingkat bawah sesuatu bangunan**.
16. Hanya **2 ekor anjing** sahaja boleh dipelihara di premis yang mempunyai keluasan **1000 meter persegi atau kurang**.
17. Bagi premis yang mempunyai keluasan **melebihi 1000 meter persegi, hanya 4 ekor anjing sahaja dibenarkan**.
18. Mana-mana anjing yang didapati **lepas bebas** di tempat awam, **berpenyakit, dipelihara tanpa dilesenkan, menimbulkan kacau ganggu kepada orang lain atau anjing dipelihara di tempat yang tidak dibenarkan, akan dirampas, ditangkap dan dilupuskan**.
19. Pemilik anjing yang gagal mematuhi syarat-syarat di atas akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Batu Gajah), 1985.
20. Hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut semasa pendaftaran:
 - i. Salinan kad pengenalan pemohon
 - ii. Gambar berukuran passport pemohon
 - iii. Salinan sijil pengesahan kesihatan anjing daripada Doktor Veterinar yang bertauliah
 - iv. Gambar penuh anjing (4R)
 - v. Borang yang telah diisi penuh dan lengkap
 - vi. Salinan pengesahan oleh Doktor Veterinar yang bertauliah bahawa anjing **dikembiri/ mandul** (bagi maksud baka **Mongreal atau mix-breed**)